



## JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

### Malay Language Education Journal

## Kelunturan Minat Membaca Bahan Bacaan Berbentuk Fizikal dalam Kalangan Murid Tahap 2 Sekolah Kebangsaan Luar Bandar

*(Decline of Interest in Reading Physically Reading Materials among Rural National School Level 2 Students)*

**Habibah Mohammad@Basiron<sup>1</sup>, Nor Azwahanum Nor Shaid<sup>2</sup> & Nurul Azlin Othman<sup>3</sup>**

<sup>1</sup>Sekolah Kebangsaan Gedok, 73200 Gemencheh, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.

<sup>3</sup>Depot Imigresen Langkap, 36700 Langkap, Perak, MALAYSIA.

Koresponden: **Habibah Mohammad@Basiron**, [p121079@siswa.ukm.edu.my](mailto:p121079@siswa.ukm.edu.my)

**ISSN:** 2180-4842

**Terbitan:** Mei, 2023

**Volume:** 13

**Bilangan:** 01

**Halaman:** 50-63

**Dihantar pada:**

18 Mac 2023

**Diterima pada:**

15 Jun 2023

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti faktor-faktor kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar selepas pasca pandemik COVID-19. Wabak COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi kesan yang besar dalam sistem pendidikan negara, termasuk minat murid membaca bahan bacaan. Tiga objektif kajian yang hendak dicapai, iaitu (i) mengenal pasti faktor penyebab kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal, (ii) mengenal pasti kesan yang timbul apabila berlaku kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal ini dan (iii) mengenal pasti usaha-usaha yang dilakukan oleh guru bagi menangani masalah kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal. Kaedah temu bual digunakan sebagai alat pengumpulan data. Seramai enam orang guru Bahasa Melayu Tahap 2 dipilih sebagai peserta kajian. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah kebangsaan luar bandar di Zon Gemencheh, iaitu Sekolah Kebangsaan A dan Sekolah Kebangsaan B. Data dianalisis secara naratif berdasarkan soalan temu bual yang dijalankan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa PdP dalam talian telah melunturkan minat murid untuk membaca bahan bacaan fizikal. Murid-murid tidak lagi berminat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal. Sebaliknya, bahan bacaan digital telah mengambil tempat dan minat murid untuk membaca. Implikasi kajian ialah kelunturan minat murid membaca bahan fizikal membimbangkan para guru dan pelbagai usaha giat dijalankan bagi mengatasi masalah ini

**Kata Kunci:** Minat membaca, Bahan fizikal, Sekolah kebangsaan, Sekolah luar bandar, Pandemik COVID-19

**Abstract:** This study aims to explore and identify the factors of the fading interest in reading physical reading materials among Level 2 rural national school students after the post-COVID-19 pandemic. The COVID-19 epidemic that has hit the whole world has had a big impact on the country including education system and student interest in reading materials. The three objectives of the study to be achieved, namely (i) identifying the factors causing the decline in interest in reading material in physical form, (ii) identifying the effects that arise when there is a decline in interest in reading material in physical form and (iii) identifying the efforts made by teachers to deal with the problem of fading interest in reading physical material. The interview method was used as a data collection tool. A total of six Malay Level 2 teachers were selected as study participants. This study was conducted in two rural national schools in the Gemencheh Zone, namely National School A and National School B. Data was analyzed narratively based on interview questions. The findings of the study show that online TnL has weakened students interest in reading physical reading materials. Students are no longer interested in reading physical reading materials. On the other hand, digital reading materials have taken the place and student interest in reading. The implication of the study is that the decline in student interest in reading physical materials worries teachers and various efforts are being made to overcome this problem.

**Keywords:** Interest in reading, Physical materials, National schools, Rural schools, Pandemic COVID-19

## PENGENALAN

Minat membaca perlu dipupuk dalam diri kanak-kanak seawal usia mereka. Daripada usia bayi lagi, membaca perlu diterapkan dalam diri mereka. Hal ini kerana apabila meningkat dewasa, kanak-kanak tersebut akan mula berjinak-jinak dengan buku dan mula menanam minat membaca dalam diri. Selain daripada menanam minat membaca, seseorang kanak-kanak itu memerlukan pendedahan khusus atau pendedahan awal yakni dorongan dan usaha daripada pihak ibu bapa terutamanya. Kemahiran 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), terutamanya membaca sangat penting kerana ia akan menentukan tahap pembelajaran murid hingga peringkat seterusnya. Pembelajaran murid yang gagal menguasai kemahiran membaca dikhuatiri akan terjejas selain meninggalkan kesan psikologi ke atas diri mereka antaranya tiada keyakinan diri.

Pembudayaan tabiat membaca dalam kehidupan seseorang bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bermaklumat, bukan merupakan satu tugas yang mudah. Setiap orang secara fitrahnya akan terdorong untuk membaca sesuatu pernyataan yang dilihat tidak kira dalam bentuk media elektronik ataupun media cetak. Dengan membaca, seseorang itu dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bagi menambahkan pengetahuan am tentang dunia dan kehidupan dan seterusnya menjadi warga yang berilmu dan berketerampilan seperti yang diharapkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Budaya membaca sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memajukan sesuatu masyarakat atau negara kerana melalui membaca, pemikiran atau minda masyarakat akan berubah dan seterusnya mempengaruhi pembangunan sesebuah negara dan bangsa. Bangsa yang bertamadun merupakan bangsa yang mengamalkan budaya membaca. Budaya suka membaca merupakan keadaan wujudnya sebuah masyarakat yang mencapai suatu tahap amalan dan minat membaca sejati yang mendalam.

Ungku Aziz (2011) menyatakan kalau hendak menjadi seorang yang bijak, mestilah selalu membaca buku kerana tiada cara lain yang boleh mengganti cara ini dalam menambah ilmu. Justeru beliau menyeru agar menjadikan budaya membaca sebagai suatu rutin dalam kehidupan kerana hanya dengan membaca dapat menambah ilmu seseorang. Seseorang akan dapat menambah ilmu pengetahuan di samping dapat membantu menambahkan perbendaharaan kata yang dimiliki. Hal ini kerana dengan membaca, seseorang itu akan menemui pelbagai jenis perkataan baharu. Kehidupan sebagai murid perlu dipenuhi dengan aktiviti yang melibatkan pembelajaran, pencarian ilmu baru, penambahan ilmu yang sedia ada serta mendapatkan pendedahan kepada bahan atau teknologi yang terkini.

Menyedari hakikat dan kepentingan budaya membaca ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM 1998) melalui Bahagian Teknologi Pendidikan telah

melaksanakan pelbagai program galakan membaca di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia untuk memupuk tabiat membaca. Namun demikian didapati semua program tersebut masih belum mencapai tahap yang dikehendaki. Oleh itu, KPM telah berusaha mencari pendekatan baharu bagi melaksanakan program galakan membaca yang lebih berkesan dan dapat dijalankan secara berterusan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Antara program membaca yang dibuat ialah Program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca).

Selepas berlakunya penularan COVID-19, apabila murid mula menjalani pembelajaran secara bersemuka, jelas ketara didapati murid Tahap 2 semakin hilang minat membaca terutama bahan bacaan fizikal yang dianggap membosankan berbanding dengan bahan bacaan digital. Semasa penularan wabak COVID-19 ini para murid banyak didedahkan dengan gajet sama ada telefon pintar mahupun komputer. Hal ini sedikit sebanyak telah meninggalkan kesan yang negatif kepada murid itu sendiri kerana kurangnya memegang bahan bacaan yang berbentuk fizikal. Menurut Nur Fatma Diyana dan Zamri (2021), murid-murid di luar bandar menghadapi banyak masalah dan cabaran ketika belajar secara dalam talian termasuk masalah membaca. Apabila sekolah dibuka dan PdP secara bersemuka dilaksanakan, masalah yang dihadapi semasa belajar secara dalam talian ini dibawa ketika belajar secara bersemuka. Antaranya murid-murid ini malas untuk membaca buku berbentuk fizikal di mana mereka lebih suka membaca bahan bacaan yang dicari secara dalam talian.

Pelbagai cara yang boleh dilakukan bagi mengatasi permasalahan ini yang penting kita tahu punca sebenar terjadi. Dalam kajian ini ada di kenal pasti beberapa faktor yang menyumbang kepada kelunturan minat membaca dalam kalangan murid serta usaha dan cara menanganinya permasalahan ini untuk kembali menarik minat membaca dalam kalangan kanak-kanak mahupun murid. Membaca itu jambatan ilmu, jadi minat terhadap bahan bacaan berbentuk fizikal ini harus terus disemai agar tidak terus leka dengan aliran arus semasa yang hanya menggunakan akses pintar dihujung jari.

## TUJUAN KAJIAN

Masalah kekurangan minat membaca bukan sahaja dapat dikesan dikalangan orang dewasa semata-mata, tetapi juga dalam kalangan murid sekolah rendah. Budaya membaca juga amat rendah dikalangan murid sekolah rendah hari ini terutamanya selepas wabak COVID-19 melanda negara. Ramai murid tidak gemar membaca walau pun mereka menyedari kurang minat membaca akan menjejaskan pembelajaran di sekolah. Kegiatan membaca dalam kalangan murid hanya berlaku apabila ada keperluan terutamanya untuk mengambil peperiksaan, membuat tugas, atau melaksanakan sesuatu tugas yang memerlukan aktiviti

membaca. Memandangkan betapa pentingnya tabiat membaca dikalangan murid, penyelidik telah menjalankan kajian untuk meninjau sejauh manakah kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar di Zon Gemencheh pasca pandemik COVID-19.

### OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti faktor-faktor penyebab kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid luar bandar?
2. Mengenal pasti kesan yang timbul apabila berlaku kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid luar bandar?
3. Mengenal pasti usaha-usaha yang dilakukan oleh guru bagi menangani masalah kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid luar bandar?

### KAJIAN KELUNTURAN MINAT MEMBACA BAHAN FIZIKAL PASCA PANDEMIK

Krisis wabak COVID-19 yang telah melanda seluruh dunia telah memberi kesan yang besar dalam sistem pendidikan negara terutama terhadap minat murid membaca bahan bacaan fizikal. Sistem pembelajaran secara dalam talian yang digunakan semasa krisis wabak COVID-19 memberi kesan yang sangat mendalam dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid di sekolah. Hal ini demikian kerana, murid didedahkan dengan penggunaan teknologi dan kemajuan teknologi seiring dengan kecanggihan sistem teknologi maklumat pada masa kini sehingga menyebabkan pengurangan dalam penggunaan bahan bacaan berbentuk fizikal seperti buku teks, buku rujukan, buku-buku ilmiah dan sebagainya. Selain itu, minat murid yang sememangnya lebih tertarik dengan bahan digital berbanding penulisan buku menjadi faktor kepada kelunturan minat membaca dalam kalangan murid bagi pasca pandemik.

Oleh itu, bagi memenuhi kehendak sistem pembelajaran secara atas talian ini, murid akan dibekalkan dengan telefon pintar oleh ibu bapa untuk memudahkan komunikasi. Malangnya, peranti telefon bimbit ini menyebabkan kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal dalam kalangan murid dan lebih mudah terpengaruh dengan aplikasi yang terdapat dalam telefon pintar tersebut. Maka, disebabkan itu pengetahuan para murid ini menjadi terhad dan hanya mengharapkan bantuan pencarian maklumat seperti *Google*, *Internet Explorer*, *Safari* dan sebagainya untuk mendapatkan informasi ataupun pencarian bahan kajian. Masalah ini menyebabkan murid ini tiada asas pengetahuan yang mendalam tentang sesuatu perkara.

Oleh yang demikian, tinjauan literatur adalah untuk mengenal pasti dan tumpuan akan diberikan kepada faktor utama penyebab murid semakin hilang minat membaca dan usaha pihak sekolah bagi meningkatkan semula minat murid membaca bahan fizikal.

Tamam, Zamri dan Afendi (2011) dalam kajian mereka menyatakan bahawa faktor psikologi, iaitu kekurangan minat belajar dan kurang mengambil perhatian semasa belajar antara penyumbang kepada wujudnya masalah membaca dalam kalangan murid. Minat dan motivasi sangat penting dan berperanan besar dalam membina tabiat dan keupayaan membaca. Minat yang mendalam terhadap bahan bacaan dapat memudahkan seseorang itu dalam proses pembacaannya. Namun demikian, sikap kurang minat membaca ini adalah berpunca daripada kegagalan untuk menguasai kemahiran membaca dengan baik. Murid yang lemah menguasai kemahiran membaca akan menghadapi berbagai-bagai impak psikologi yang berkaitan dengan minat, semangat emosi dan sikap murid.

Faktor teks juga mempengaruhi minat murid untuk membaca bahan berbentuk fizikal ini. Bahasa dalam teks yang terlalu tinggi, tulisan yang kecil, yang terlalu kompleks, isi kandungan atau bahan cerita yang sudah terlalu lama dan kurang sesuai dengan keadaan murid menyukarkan murid untuk menghayati dan memahami isi yang terkandung dalam teks tersebut. Sebahagian kandungan teks yang terlalu panjang dan buku teks yang kurang menarik menyebabkan murid semakin tidak berminat untuk meneruskan pembacaan. (Tamam et al. 2011). Maka tidak hairanlah sekiranya murid zaman sekarang, khususnya pasca pandemik ini lebih mudah tertarik dengan bahan pembacaan secara digital kerana bahan ini mampu menarik minat mereka di samping penerimaan informasi yang lebih banyak dan mudah didapati.

Kenyataan ini turut disokong dalam kajian Abdul Rasid (2011) yang menyatakan bahawa kelemahan murid dalam asas kemahiran seperti membaca, menulis dan mengira menyebabkan murid tidak berminat untuk terus belajar dan memperbaiki kelemahan kemahiran walaupun mempunyai potensi untuk berjaya setanding dengan rakan lain yang dianggap pintar dan berkebolehan. Kelemahan murid menguasai kemahiran membaca dan menulis menjejaskan potensi serta motivasi dalam menguasai pelbagai kemahiran lain. Murid tidak berkeupayaan menguasai kemahiran menyenaraikan idea-idea utama atau mengelaskan isi kandungan teks dengan baik. Kebanyakan responden dalam kajian tersebut menyatakan bahawa mereka tidak dapat memahami isi kandungan teks, tidak memahami maksud ayat yang dibaca, tidak boleh membaca dengan pantas dan menjadi cepat jemu serta penat.

Kajian Pandian (2000) yang membuat tinjauan mengenai tabiat membaca dalam kalangan murid Malaysia yang berbeza dari segi etnik dan bahasa. Kajiannya mendapati pembentukan minat membaca

dalam kalangan murid dipengaruhi oleh sejumlah faktor seperti penjaga atau ibu bapa, jantina, kemudahan sumber bahan bacaan dan pihak sekolah. Setiap faktor berperanan mempromosi perkembangan minat pembaca. Dalam kajian Tiew (2010) pula mendapati 17.39% murid tingkatan 4 di SMK Hulu Kelang tidak langsung meluangkan masa dalam sehari untuk membaca, manakala 24.64% murid hanya menghabiskan kurang daripada satu jam sehari untuk aktiviti membaca. Dalam kajiannya juga, jenis bahan bacaan yang paling digemari oleh murid mendapati bahan dari Internet merupakan bahan bacaan yang paling digemari, iaitu sebanyak 28 orang murid (40.58%). Para murid sekarang banyak yang celik komputer dan tidak hairanlah mereka beranjak ke dunia teknologi maklumat untuk mendapatkan sumber maklumat dan sumber bahan bacaan yang mudah dan cepat diperolehi sama ada secara percuma atau berbayar.

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen kajian kes, iaitu menggunakan kajian kes pelbagai tempat yang melibatkan kaedah pemerhatian dan temu bual separa berstruktur untuk meneroka faktor utama penyebab kekurangan minat murid dalam pembacaan bahan berbentuk fizikal pasca pandemik dan usaha bagi menangani masalah tersebut. Pelbagai tempat merujuk kepada beberapa buah sekolah yang dijadikan sebagai tempat kajian ini. Pendekatan kualitatif ini boleh menjelaskan maklumat sebenar yang ingin diperolehi daripada sumber yang sepatutnya tanpa manipulasi oleh penyelidik (Merriam 2009).

### Instrumen Kajian

Temu bual separa berstruktur digunakan bagi memperoleh maklumat yang tidak terhad dan umum pada soalan yang ditanya. Soalan yang ditanya adalah untuk menyiasat, meneliti dan memerhati dalam tiga aspek, iaitu (i) faktor utama berlakunya kelunturan minat membaca dalam kalangan murid di sekolah mahupun di rumah, (ii) kesan yang timbul apabila berlaku kelunturan minat membaca dan (iii) mengenal pasti usaha atau langkah bagi menangani masalah kelunturan minat membaca dalam kalangan murid pasca endemik ini.

### Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang dipilih adalah dua buah sekolah kawasan luar bandar bagi Zon Gemencheh iaitu Sekolah Kebangsaan A (SKA) dan Sekolah Kebangsaan B (SKB). Kedua-dua sekolah kebangsaan ini dikategorikan sebagai sekolah luar bandar dan

bertepatan dengan kehendak kajian yang dijalankan. Selain itu, pihak pentadbir di sekolah yang terlibat juga memberi keizinan dan persetujuan terhadap usaha kajian ini dijalankan.

### Peserta Kajian

Dalam kajian ini, enam orang guru Bahasa Melayu yang mengajar murid Tahap 2 untuk ditemu bual. Seramai dua orang guru dari SKA dan empat orang guru SKB yang berperanan sebagai guru Bahasa Melayu untuk dijadikan peserta kajian. Pemilihan peserta kajian tersebut dilakukan secara rawak bertujuan dengan mengambil kira pertimbangan seperti peserta kajian yang dipilih dapat memberikan data sepenuhnya tentang kajian ini. Penentuan kriteria peserta kajian tersebut dilakukan oleh pengkaji dan juga mengambil kira pandangan pihak sekolah tentang murid-murid yang menghadapi masalah kelunturan minat membaca tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

### Maklumat Demografi Responden Guru

Peserta kajian yang terlibat dalam temu bual ini terdiri daripada enam orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah luar bandar. Profil responden guru merangkumi jantina, umur, tempoh perkhidmatan dan kelayakan akademik. Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis deskriptif demografi responden dan guru yang melingkupi nilai frekuensi ( $f$ ) dan peratusan (%). Setiap guru diberikan koding, iaitu Guru Bahasa Melayu merujuk GBM1 sehingga GBM6.

Berdasarkan Jadual 1, didapati bahawa tidak ada guru lelaki yang terlibat dalam temu bual ini. Hal ini adalah kerana tidak ada guru lelaki yang mengajar Bahasa Melayu Tahap 2 di SKA, manakala guru lelaki yang mengajar Bahasa Melayu Tahap 2 di SKBh hanya seorang dan tidak terlibat dalam temu bual ini. Bilangan guru yang berumur 21 hingga 30 tahun adalah seorang sahaja, usia 31 hingga 40 tahun seramai seorang juga. Guru yang lingkungan umur 41 hingga 50 tahun adalah seramai 3 orang yang terlibat dalam temu bual ini. Guru yang berumur lingkungan 51 hingga 60 tahun pula adalah seorang.

Dari segi kelulusan tertinggi pula, semua guru yang terlibat dalam temu bual ini memiliki Ijazah Sarjana Muda. Guru-guru yang berpengalaman mengajar dalam lingkungan 1 hingga 5 tahun hanya seorang, 6 hingga 10 tahun juga seorang, manakala guru yang mempunyai pengalaman mengajar selama 11 hingga 20 tahun seramai 2 orang. Guru yang berpengalaman mengajar dalam lingkungan 21 hingga 30 tahun pula adalah 2 orang. Kedua-dua guru ini adalah guru yang mengajar di SKA. Guru yang berpengalaman mengajar melebihi 30 tahun tidak terlibat dalam temu bual ini.

JADUAL 1: Analisis demografi responden

Pemboleh Ubah		Frekuensi ( <i>f</i> )	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	0	-
	Perempuan	6	100
Umur	21 hingga 30 tahun	1	16.67
	31 hingga 40 tahun	1	16.67
	41 hingga 50 tahun	3	49.99
	51 hingga 60 tahun	1	16.67
Tempoh Perkhidmatan	Bawah 5 tahun	1	16.67
	6 hingga 10 tahun	1	16.67
	11 hingga 20 tahun	2	33.33
	21 hingga 30 tahun	2	33.33
	31 hingga 60 tahun	0	-
Kelayakan Akademik	Ijazah Sarjana	0	-
	Ijazah Sarjana Muda	6	100
	Diploma	0	-

**Faktor Penyebab Murid Tahap 2 Sekolah Kebangsaan Luar Bandar Tidak Minat Pasca Pandemik COVID-19 Membaca Bahan Berbentuk Fizikal**

Enam orang guru Bahasa Melayu yang bertugas di dua buah sekolah kebangsaan luar bandar di Zon Gemencheh, Negeri Sembilan ditemu bual bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan punca kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 pasca pandemik COVID-19. Respons daripada guru-guru tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.

JADUAL 2: Analisis faktor penyebab murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar pasca COVID-19 tidak berminat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal

Bil.	Soalan	Peserta Kajian (GBM)	Respons
1	Adakah murid-murid Tahap 2 yang cikgu ajar minat membaca bahan fizikal seperti buku teks, majalah dan surat khabar?	GBM1	Kurang minat
		GBM2	Kurang berminat
		GBM3	Kurang berminat
		GBM4	Sebahagian besar tidak berminat
		GBM5	Kurang berminat
		GBM6	Kurang berminat dan biasanya dipaksa untuk membaca terutama buku teks.
2	Sekiranya mereka tidak berminat membaca bahan fizikal, pada pendapat cikgu, apakah faktor yang menyebabkan mereka tidak berminat?	GBM1	Bahan bacaan kurang menarik minat mereka.
		GBM2	Mereka telah terdedah kepada penggunaan telefon bimbit dan lebih tertarik dengan rangsangan teknologi.
		GBM3	Penggunaan gajet seperti telefon dan tablet menyebabkan mereka tidak minat membaca bahan bacaan fizikal.
		GBM4	Mereka lebih suka membaca bahan secara digital

			menggunakan telefon bimbit dan tablet.
		GBM5	Mereka lebih menggemari bahan interaktif digital
		GBM6	Bahan bacaan seperti buku cerita kurang didapati dan mahal harganya berbanding dengan bahan bacaan digital.
3	Apakah bahan bacaan yang digemari oleh murid-murid ketika ini?	GBM1	Komik dan buku cerita
		GBM2	Komik
		GBM3	Bahan bacaan atas talian seperti <i>e-book</i> dan <i>e-majalah</i>
		GBM4	Komik digital seperti anime
		GBM5	Bahan bacaan seperti komik dan novel
		GBM6	Komik

**Murid Murid Tidak Berminat Membaca Bahan Bacaan Fizikal**

Berdasarkan Jadual 2, semua GBM menyatakan murid Tahap 2 bagi kelas yang mereka mengajar kurang berminat membaca bahan fizikal seperti buku teks, majalah dan surat khabar. Malahan guru terpaksa bersikap lebih tegas untuk memastikan murid-murid Tahap 2 membaca buku teks di dalam kelas. Menurut GBM2, bukan semua murid Tahap 2 kurang berminat membaca bahan berbentuk fizikal, tetapi sebahagian besar daripada mereka sememangnya tidak berminat.

- *Sebahagian besar tidak berminat (GBM2)*
- *Kurang berminat dan biasanya dipaksa untuk membaca terutama buku teks.(GBM6)*

Rumusannya, kesemua GBM memberi jawapan yang sama bahawa murid Tahap 2 tidak berminat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal. Walaupun buku teks yang merupakan bahan bantu mengajar (BBM) utama dalam PdP, murid Tahap 2 tidak menjadikan buku teks sebagai bahan rujukan utama kerana tidak minat membacanya. Hal tersebut telah memaksa guru menggunakan ketegasan untuk menggalakkan murid membaca bahan bacaan fizikal sebagai rujukan tambahan.

**Murid Lebih Berminat Menggunakan Gajet atau peranti**

Jadual 2 menunjukkan dapat kajian daripada hasil temu bual 6 orang GBM ini mendapat terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan murid tidak berminat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal ini. GBM2, GBM3, GBM4 dan GBM5 menyatakan faktor penyebab murid Tahap 2 tidak berminat membaca bahan berbentuk fizikal adalah disebabkan mereka lebih gemar membaca bahan berbentuk digital. Penggunaan gajet atau peranti seperti telefon bimbit dan *tablet* telah menyebabkan mereka lebih cenderung membaca bahan bacaan digital.

- Mereka telah terdedah kepada penggunaan telefon bimbit dan lebih tertarik dengan rangsangan teknologi.(GBM2)
- Penggunaan gajet seperti telefon dan tablet menyebabkan mereka tidak minat membaca bahan bacaan fizikal (GBM3)

#### **Murid Lebih Suka Membaca Bahan Bacaan Digital**

Pendapat GBM1 pula tidak meletakkan penggunaan peranti menyebabkan murid tidak lagi berminat membaca bahan bacaan fizikal, tetapi menyatakan bahawa bahan bacaan yang kurang menarik menjadikan murid Tahap 2 tidak minat membaca bahan bacaan fizikal. GBM6 berpendapat, kos penjualan bahan bacaan fizikal yang agak mahal dipasaran berbanding bahan digital adalah penyebab murid Tahap 2 tidak lagi minat membaca bahan bacaan fizikal.

- Mereka lebih suka membaca bahan secara digital menggunakan telefon bimbit dan tablet.(GBM4)
- Mereka lebih menggemari bahan interaktif digital.(GBM5)

#### **Bahan Bacaan Berbentuk Fizikal Lebih Mahal dan Bahan Kurang Menarik**

Pendapat GBM1 pula tidak meletakkan penggunaan peranti menyebabkan murid tidak lagi berminat membaca bahan bacaan fizikal, tetapi menyatakan bahawa bahan bacaan yang kurang menarik menjadikan murid Tahap 2 tidak minat membaca bahan bacaan fizikal. Manakala GBM6 berpendapat, kos penjualan bahan bacaan fizikal yang agak mahal dipasaran berbanding bahan digital adalah penyebab murid Tahap 2 tidak lagi minat membaca bahan bacaan fizikal.

- Bahan bacaan kurang menarik minat mereka.(GBM1)
- Bahan bacaan seperti buku cerita kurang didapati dan mahal harganya berbanding dengan bahan bacaan digital.(GBM6)

Rumusannya, boleh dikatakan hampir semua GBM berpendapat bahawa bahan bacaan digital telah mengambil tempat minat murid sebagai bahan untuk membaca dan membuat rujukan. Pandemik COVID-19 telah merubah cara belajar semua murid yang mana mereka terpaksa belajar di rumah secara dalam talian akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan menggunakan teknologi peranti seperti telefon bimbit, tablet dan komputer riba. Keadaan turut menyebabkan mereka semakin selesa mencari bahan bacaan secara dalam talian yang tidak memerlukan kos yang mahal dan mudah pula didapati.

#### **Komik Digital Lebih Diminati oleh Murid**

Hasil dapatan daripada temu bual yang dilakukan, GBM1, GBM2, GBM4, GBM5 dan GBM6 bersependapat bahawa bahan bacaan yang diminati oleh murid Tahap 2 ketika ini adalah komik digital. Komik digital seperti *anime* dari negara Jepun telah mendapat tempat dihati para remaja di negara kita. Populariti komik tersebut bukan sahaja menular di negara ini, malah di seluruh dunia. GBM3 pula memberi pandangan bahawa bahan bacaan atas talian seperti *e-book* dan *e-majalah* menjadi pilihan murid Tahap 2 sebagai bacaan kerana mudah diakses tanpa memerlukan apa-apa bayaran.

- Bahan bacaan atas talian seperti *e-book* dan *e-majalah* kerana mudah murid nak akses.(GBM3).

Jelaslah murid Tahap 2 pasca pandemik COVID-19 ini lebih selesa dengan bahan bacaan berbentuk digital. Namun begitu, murid-murid Tahap 2 pasca pandemik ini lebih meminati komik berbanding bahan bacaan ilmiah. Antara komik yang sering dibaca oleh murid-murid adalah komik *anime* dari negara Jepun yang menjadi kegilaan anak muda zaman kini.

#### **Kesan yang Timbul Apabila Murid Tahap 2 Sekolah Kebangsaan Luar Bandar Pasca Pandemik COVID-19 Tidak Minat Membaca Bahan Berbentuk Fizikal**

Jadual 3 membincangkan maklumat berkaitan dengan kesan yang timbul apabila murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar pasca pandemik COVID-19 tidak minat membaca bahan berbentuk fizikal. Respons daripada enam orang guru tersebut adalah seperti dalam Jadual 3.

JADUAL 3: Analisis kesan yang timbul apabila murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar pasca pandemik COVID-19 tidak minat membaca bahan berbentuk fizikal

Bil.	Soalan	Peserta Kajian (GBM)	Respons
1	Pada pendapat cikgu, adakah sikap murid yang tidak minat membaca bahan fizikal semasa PdP memberi kesan kepada keciciran murid dalam pelajaran?	GBM1  GBM2	Ya, mereka tidak suka membaca lebih-lebih lagi buku teks yang digunakan semasa PdP. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat membuat latihan yang diberi oleh guru kerana tidak suka membaca dan merujuk buku teks.  Ya, memberi sedikit kesan kerana akibat tidak minat membaca menyebabkan mereka sukar membuat latihan yang diberikan oleh guru.

	GBM3	Ya, tetapi ia bukan menjadi penyebab utama, hanya segelintir murid sahaja.
	GBM4	Betul, kerana sikap mereka yang malas membaca menyebabkan mereka tidak mendapat maklumat yang betul ketika menjawab soalan latihan.
	GBM5	Ya, bahan bacaan seperti buku teks sangat membantu murid ketika PdP. Tetapi sekiranya mereka tidak minat membaca bahan seperti buku teks akan menyebabkan mereka akan keciciran dalam pelajaran.
	GBM6	Ya, sikap tidak minat membaca menyukarkan murid memahami maklumat dan menyelesaikan persoalan yang dikemukakan.
2	Pada pandangan cikgu, adakah kelunturan minat murid membaca bahan fizikal ini disebabkan kesan daripada PdPR secara online semasa PKP?	<p>GBM1 Tidak, kerana minat membaca ini adalah didikan dari kecil lagi tidak kira sama ada bahan fizikal atau digital.</p> <p>GBM2 Tidak, murid yang suka membaca akan tetap rajin membaca walaupun menggunakan pelbagai bahan secara digital atau fizikal.</p> <p>GBM3 Ya, kesan PdPR menjadikan murid lebih terdedah kepada bahan bacaan atas talian.</p> <p>GBM4 Betul. Mereka sudah biasa menggunakan peranti ketika PdPR menyebabkan mereka lebih suka membaca bahan bacaan dalam internet.</p> <p>GBM5 Kelunturan minat membaca ini telah bermula sejak pengenalan gajet, permainan video dan PdPR pula sebagai tambahan.</p> <p>GBM6 Pada pandangan saya, bukan disebabkan oleh kesan PdPR secara talian tetapi murid sekarang lebih suka bahan bacaan yang pendek dan ringkas.</p>
3	Antara murid lelaki dan perempuan, siapakah yang lebih rajin dan suka membaca bahan bacaan berbentuk fizikal?	<p>GBM1 Lelaki</p> <p>GBM2 Perempuan</p> <p>GBM3 Perempuan</p> <p>GBM4 Perempuan</p> <p>GBM5 Perempuan</p> <p>GBM6 Perempuan</p>

### ***Keciciran Murid di Dalam Kelas***

Berdasarkan Jadual 3, kesemua GBM bersetuju bahawa sikap murid yang tidak minat membaca bahan bacaan fizikal semasa PdP memberi kesan kepada keciciran murid dalam pelajaran. GBM1 dan GBM5 menyatakan murid-murid tidak minat membaca buku teks yang merupakan satu sumber pengetahuan yang membantu murid sukses dalam pelajaran Bahasa Melayu dan mata pelajaran yang lain akan menyebabkan murid akan

ketinggalan dalam pelajaran serta boleh berlakunya keciciran dalam pelajaran.

- *Ya, mereka tidak suka membaca lebih-lebih lagi buku teks yang digunakan semasa PdP. Hal ini menyebabkan mereka tidak dapat membuat latihan yang diberi oleh guru kerana tidak suka membaca dan merujuk buku teks. (GBM1)*
- *Ya, bahan bacaan seperti buku teks sangat membantu murid ketika PdP. Tetapi sekiranya mereka tidak minat membaca bahan seperti buku teks akan menyebabkan mereka akan keciciran dalam pelajaran. (GBM5)*

GBM2, GBM4, GBM6 berpendapat bahawa sikap murid yang tidak suka membaca menyebabkan mereka tidak dapat menjawab soalan latihan yang dikemukakan kerana tidak memahami dan mendapat maklumat yang betul. Hal ini boleh menyebabkan prestasi pelajaran mereka terjejas dan boleh menyebabkan keciciran dalam pelajaran.

- *Ya, memberi sedikit kesan kerana akibat tidak minat membaca menyebabkan mereka sukar membuat latihan yang diberikan oleh guru. (GBM2)*
- *Betul, kerana sikap mereka yang malas membaca menyebabkan mereka tidak mendapat maklumat yang betul ketika menjawab soalan latihan (GBM4)*
- *Ya, sikap tidak minat membaca menyukarkan murid memahami maklumat dan menyelesaikan persoalan yang dikemukakan (GBM6)*

Rumusannya, sikap murid Tahap 2 pasca pandemik COVID-19 di sekolah kebangsaan luar bandar yang tidak minat membaca bahan fizikal semasa PdP menyebabkan mereka boleh keciciran dalam pelajaran. Perkara ini telah disokong oleh kesemua GBM yang terlibat dalam temu bual ini. Tambahan pula, silibus mata pelajaran sekolah rendah yang semakin tinggi dan mempunyai aras bahasa yang juga tinggi akan menyebabkan murid akan terus ketinggalan dalam pelajaran jika terus bersikap malas membaca, terutama bahan rujukan utama seperti buku teks. Situasi ini bukan sahaja memberi kesan kepada pendidikan murid, malahan boleh menjejaskan prestasi sekolah.

### ***Murid Semakin Malas Belajar berikutan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian yang Lama***

Melalui Jadual 3, dapatan kajian mendapati GBM1, GBM2 dan GBM6 tidak bersetuju bahawa sikap murid yang tidak minat membaca bahan bacaan fizikal disebabkan oleh kesan daripada pengajaran dan

pembelajaran dalam talian (PdPR) semasa PKP. Mereka menyatakan sikap minat membaca adalah didikan daripada kecil dan murid yang minat membaca tetap akan rajin membaca walau apa pun jenis bahan bacaannya. Menurut GBM6, kelunturan minat membaca ini adalah disebabkan murid sekarang lebih suka dengan bahan bacaan yang pendek dan ringkas berbanding dengan ayat-ayat yang panjang dan sukar difahami maknanya seperti yang ditulis dalam buku teks.

- *Tidak, kerana minat membaca ini adalah didikan dari kecil lagi tidak kira sama ada bahan fizikal atau digital.(GBM1)*
- *Tidak, murid yang suka membaca akan tetap rajin membaca walaupun menggunakan pelbagai bahan secara digital atau fizikal (GBM2)*
- *Pada pandangan saya, bukan disebabkan oleh kesan PdPR secara talian tetapi murid sekarang lebih suka bahan bacaan yang pendek dan ringkas.(GBM6)*

GBM3 dan GBM4 pula bersetuju bahawa kelunturan minat membaca bahan bacaan fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar ini disebabkan kesan daripada PdPR semasa PKP. Mereka memberi pandangan bahawa semasa PdPR murid terdedah dengan penggunaan peranti dan bahan bacaan dalam talian menyebabkan murid sudah tidak berminat dengan bahan bacaan secara fizikal. Menurut pandangan GBM5 pula, kelunturan minat membaca bahan fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 ini sudah dikesan semenjak bermulanya pengenalan kepada gajet dan permainan video, namun PdPR adalah sebagai punca sampingan yang menggalakkan penggunaan gajet secara meluas dalam dunia pendidikan.

- *Ya, kesan PdPR menjadikan murid lebih terdedah kepada bahan bacaan atas talian.(GBM3)*
- *Betul, kerana sikap mereka yang malas membaca menyebabkan mereka tidak mendapat maklumat yang betul ketika menjawab soalan latihan.(GBM4)*
- *Kelunturan minat membaca ini telah bermula sejak pengenalan gajet, permainan video dan PdPR pula sebagai tambahan.(GBM5)*

Rumusannya, tidak semua GBM berpendapat bahawa PdPR telah menyebabkan kelunturan minat membaca bahan bacaan fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar ini. Murid yang suka membaca akan terus membaca tanpa mengira bahan bacaan jenis digital atau berbentuk fizikal.

### **Sikap Malas Membaca Bahan Berbentuk Fizikal terhadap Jantina**

Berdasarkan Jadual 3, kesemua GBM kecuali GMB1 berpendapat murid perempuan lebih rajin dan suka membaca bahan bacaan fizikal berbanding lelaki. Hal ini adalah kerana sifat murid perempuan yang lebih fokus dalam pelajaran dan tidak suka membuang masa dengan sia-sia di dalam kelas menyebabkan mereka lebih suka membaca buku. Murid lelaki pula lebih suka bermain, dan tidak melakukan apa-apa aktiviti yang bermanfaat semasa di dalam kelas.

### **Pengetahuan Am Murid Semakin Rendah**

Kesan daripada kurangnya membaca bahan bacaan fizikal oleh murid, menyebabkan pengetahuan am murid semakin rendah dan keadaan ini menjadikan murid sukar untuk memahami dan mengetahui situasi yang berlaku ketika ini. Masalah ini kadang-kala menyebabkan murid kelihatan seperti *katak di bawah tempurung*. Murid juga tidak mengetahui makna banyak kosa kata bahasa Melayu yang mengakibatkan penulisan karangan mereka turut menjadi lemah dan tidak gramatis. Isu ini telah disokong oleh kesemua GBM yang berpendapat pengetahuan am yang rendah akibat sikap tidak minat membaca bahan berbentuk fizikal menyebabkan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar tidak dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik.

### **Usaha Menangani Masalah Kelunturan Minat Membaca Bahan Fizikal dalam Kalangan Murid Tahap 2 Sekolah Kebangsaan Luar Bandar Pasca Pandemik COVID-19**

Jadual 4 memaparkan maklumat tentang usaha yang dilakukan oleh guru Bahasa Melayu sekolah kebangsaan luar bandar bagi menangani masalah kelunturan minat membaca bahan fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 pasca pandemik COVID-19. Respons daripada enam orang guru tersebut adalah seperti dalam Jadual 4.



JADUAL 4: Usaha yang dilakukan oleh guru bagi menangani masalah kelunturan minat membaca bahan fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan laur bandar pasca pandemik COVID-19

Bil.	Soalan	Peserta Kajian (GBM)	Respons
1	Apakah usaha yang cikgu lakukan bagi meningkatkan minat murid untuk membaca bahan bacaan fizikal ini?	GBM1	Saya akan memberi murid ganjaran sekiranya mereka meningkatkan amalan membaca.
		GBM2	Membuat program galakan membaca seperti membaca 10 minit sebelum masuk ke dalam kelas.
		GBM3	Memberi hadiah atau memberi penghargaan kepada murid yang banyak membaca bahan fizikal.
		GBM4	Banyakkan aktiviti mencari maklumat di dalam buku atau majalah semasa PdP.
		GBM5	Adakan ganjaran bulanan bagi pembaca buku dan majalah terbanyak.
		GBM6	Menggalakan murid membawa sebuah buku dari rumah dan bertukar-tukar buku tersebut dengan rakan-rakan yang lain.
2	Adakah usaha yang dilakukan berjaya menarik minat murid membaca bahan bacaan fizikal?	GBM1	Ya
		GBM2	Ya
		GBM3	Ya
		GBM4	Ya kepada sebahagian murid sahaja.
		GBM5	Menunjukkan sedikit perubahan terutama kepada murid perempuan.
		GBM6	Ada perubahan walaupun tidak kesemua murid.
3	Pada pendapat cikgu, apakah aktiviti semasa PdP dalam kelas yang boleh menarik minat murid membaca bahan bacaan fizikal?	GBM1	Aktiviti membaca dalam kumpulan yang memerlukan penglibatan semua murid.
		GBM2	Melakukan aktiviti mencari maklumat tersembunyi yang memerlukan murid mencari jawapan dalam buku teks atau majalah.
		GBM3	Mengadakan aktiviti resensi buku (ulasan buku) dan aktiviti bercerita.
		GBM4	Mengadakan pertandingan kuiz antara kumpulan. Soalan kuiz berdasarkan bahan bacaan sama ada dalam buku teks atau majalah pendidikan seperti Dewan Pelajar.
		GBM5	Membuat aktiviti Bicara Buku, membina folio perkataan dalam buku dan menghasilkan buku cerita karangan sendiri.
		GBM6	Beri peluang semua murid membaca walaupun sebaris ayat. Selain itu, adakan pertandingan membaca berkumpulan atau individu.

### **Memberi Ganjaran atau Penghargaan yang Meningkatkan Amalan Membaca**

Guru dilihat dapat menangani masalah kelunturan minat membaca dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar ini dengan baik dan terancang. Semua GBM mempunyai cara mereka tersendiri untuk menangani masalah kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal. Berbagai usaha yang dilakukan oleh para guru ini bagi menarik kembali minat murid-murid untuk membaca bahan fizikal. Dalam temu bual ini, GBM1, GBM3 dan GBM5 mempunyai pendapat yang sama iaitu, memberi ganjaran kepada murid-murid yang meningkatkan amalan membaca dan banyak membaca bahan bacaan berbentuk fizikal. Menurut mereka, ganjaran yang diberikan bukan sahaja dapat memberi semangat dan motivasi untuk mereka terus membaca bahan berbentuk fizikal, malahan dapat meningkatkan kemahiran membaca serta bertutur dalam kalangan murid Tahap 2 ini.

- *Saya akan memberi murid ganjaran sekiranya mereka meningkatkan amalan membaca.(GBM1)*
- *Memberi hadiah atau memberi penghargaan kepada murid yang banyak membaca bahan fizikal.(GBM3)*
- *Adakan ganjaran bulanan bagi pembaca buku dan majalah terbanyak.(GBM5)*

### **Mengadakan Program Galakan Membaca**

GBM2, GBM4 dan GBM6 pula berpendapat, usaha untuk menarik kembali murid-murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar agar minat membaca bahan bacaan fizikal adalah dengan mengadakan program-program galakan membaca seperti program membaca 10 minit sebelum PdP berlangsung, mengadakan aktiviti mencari maklumat yang terdapat dalam buku atau majalah dan menggalakkan murid membawa buku dari rumah ke sekolah untuk berkongsi membaca bersama rakan-rakan yang lain. Guru-guru ini berpendapat dengan mengadakan program dan aktiviti galakan membaca seperti ini, murid akan menanamkan minat suka membaca dengan bersungguh-sungguh.

- *Membuat program galakan membaca seperti membaca 10 minit sebelum masuk ke dalam kelas.(GBM2)*
- *Banyakkan aktiviti mencari maklumat di dalam buku atau majalah semasa PdP (GBM4)*
- *Menggalakan murid membawa sebuah buku dari rumah dan bertukar-tukar buku tersebut dengan rakan-rakan yang lain.(GBM6)*

### *Manfaatkan Laluan Iqra'*

Program Laluan Iqra yang dianjurkan oleh Pusat Sumber Sekolah (PSS) sekolah yang mana bertujuan menanam minat membaca dan menambah bilangan rekod bacaan NILAM melalui pembacaan bahan-bahan fizikal yang dibekalkan oleh PSS. Jelas menunjukkan GBM dapat menangani masalah kelunturan minat membaca dalam kalangan murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar ini dengan baik dan terancang. Mereka mempunyai cara dan perancangan sendiri bagi memastikan murid menanamkan kembali minat membaca bahan berbentuk fizikal bagi menjamin kecemerlangan dalam pendidikan.

#### **Aktiviti Semasa Pengajaran dan Pembelajaran yang Boleh Menarik Minat Murid Membaca**

Melalui Jadual 5, kesemua GBM telah merancang aktiviti semasa PdP dalam kelas yang boleh menarik minat murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar membaca bahan bacaan fizikal dengan baik. Segala aktiviti yang dirancang oleh guru bukan sahaja untuk menarik minat membaca bahan fizikal, tetapi juga dapat meningkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan murid Tahap 2. Terdapat lima aktiviti yang dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu sekolah luar bandar membantu minat membaca murid-murid Tahap 2 seperti yang dilaporkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5: Aktiviti PdP yang boleh menarik minat murid membaca

Bil.	Jenis Aktiviti	Bukti Temu Bual
1	Aktiviti membaca secara berkumpulan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Aktiviti membaca dalam kumpulan yang memerlukan penglibatan semua murid.(GBM1)</li> </ul>
2	Aktiviti mencari maklumat dalam buku teks dan majalah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melakukan aktiviti mencari maklumat tersembunyi yang memerlukan murid mencari jawapan dalam buku teks atau majalah. (GBM2)</li> </ul>
3	Mengadakan aktiviti resensi buku (ulasan buku) dan aktiviti bercerita	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan aktiviti resensi buku (ulasan buku) dan aktiviti bercerita.9GBM3)</li> <li>Membuat aktiviti Bicara Buku, membina folio perkataan dalam buku dan menghasilkan buku cerita karangan sendiri.(GBM5)</li> </ul>
4	Mengadakan pertandingan kuiz berdasarkan bahan bacaan fizikal seperti buku teks dan majalah Dewan Pelajar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan pertandingan kuiz antara kumpulan. Soalan kuiz berdasarkan bahan bacaan sama ada dalam buku teks atau majalah pendidikan seperti Dewan Pelajar.(GBM4)</li> </ul>
5	Mengadakan aktiviti membaca setiap hari di dalam kelas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Beri peluang semua murid membaca walaupun sebaris ayat. Selain itu, adakan pertandingan membaca berkumpulan atau individu.(GBM6)</li> </ul>

Rumusannya, pelbagai kaedah dan usaha yang dilakukan oleh para guru semasa PdP demi meningkatkan kembali minat murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar membaca bahan fizikal sama ada di dalam kelas atau di mana-mana sahaja. Guru merancang aktiviti yang menarik agar murid tidak berasa jemu untuk melakukan aktiviti membaca. Aktiviti yang dijalankan termasuklah pertandingan yang dilakukan secara berkumpulan semasa PdP. Di sini dapat dilihat, apabila guru mengadakan sesuatu pertandingan, bermakna guru-guru akan mengeluarkan perbelanjaan untuk membeli hadiah. Di sini jelas terlihat bahawa demi menggalakan murid membaca, guru sanggup mengeluarkan wang sendiri membeli hadiah sebagai membangkitkan semangat dan motivasi murid untuk kembali mencintai buku dan bahan bacaan fizikal.

### **PERBINCANGAN**

#### **Faktor-Faktor Kelunturan Minat Membaca**

Kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal seperti buku, majalah, risalah dan sebagainya dalam kalangan murid sekolah bukan lagi perkara yang mengejutkan masyarakat masa kini. Berikutan daripada penularan wabak COVID-19, menyebabkan perpustakaan menjadi kosong, rakyat Malaysia juga sudah tidak banyak membaca, orang ramai lebih menggemari media sosial. Menurut Mohd Fudzail (2021) dalam penulisannya menyatakan, di mana sahaja orang terpaku pada telefon pintar, membaca apa sahaja daripada berita, gosip suapan media sosial atau bermain *game*. Menurut Mohd Fudzail (2021) lagi, corak pembacaan di Malaysia dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk internet. Remaja lebih suka melayari internet dan melawat tapak media sosial daripada memegang buku. Begitulah juga halnya yang berlaku kepada murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar, kelunturan minat membaca bahan bacaan fizikal dalam kalangan usia mereka adalah lebih dipengaruhi oleh faktor Internet yang semakin meluas penggunaannya dalam kalangan murid sekolah akibat pandemik COVID-19 dan berlakunya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menuntut semua murid dan murid belajar secara dalam talian (PdPR).

Keputusan hasil temu bual bersama enam orang guru, mendapati murid-murid Tahap 2 di sekolah-sekolah mereka sememangnya tidak berminat membaca buku berbentuk fizikal berbanding berbentuk digital. Murid-murid Tahap 2 ini lebih berminat menggunakan gajet atau peranti untuk mendapatkan bahan bacaan yang mereka minati dan terus membacanya melalui peranti yang dimiliki. Bahan bacaan yang mudah dicari melalui internet menyebabkan murid tidak memerlukan lagi bahan berbentuk fizikal. Zaman mencari buku-buku melalui rak perpustakaan yang berdebu untuk mencari maklumat-maklumat sudah lama berlalu. Sekarang

seseorang dapat mengakses ratusan sumber pada hampir semua subjek dengan hanya satu klik dan hanya menggunakan butang carian (Mohd Fudzail 2021).

Salah satu faktor yang turut menjadi penyebab mengapa murid Tahap 2 tidak minat membaca bahan bacaan fizikal adalah kerana harga buku fizikal lebih mahal daripada bahan bacaan yang boleh diperolehi daripada Internet. Tidak dapat dinafikan bahawa harga buku digital lebih murah. Hal ini kerana penerbit tidak perlu mengeluarkan kos untuk mencetak buku. Kebiasaannya, harga buku fizikal bergantung kepada jenis kertas, ketebalan kulit buku dan bilangan muka surat. Tambahan pula, murid Tahap 2 yang tinggal di persekitaran kawasan Gemencheh terdiri daripada golongan B40. Kesusahan keluarga menjadi salah satu punca mereka tidak mampu untuk membeli buku fizikal yang sangat mahal di pasaran. Kesempitan ekonomi juga bukan sahaja menyebabkan murid-murid Tahap 2 ini tidak minat membaca buku berbentuk fizikal, tetapi terus melunturkan minat membaca mereka dalam apa jua jenis bahan bacaan, termasuklah bahan bacaan digital.

Kelunturan minat membaca dalam kalangan murid Tahap 2 turut dipengaruhi oleh perkembangan komik digital yang semakin popular dalam kalangan remaja malahan juga diminati oleh golongan dewasa, iaitu komik *manga dan anime (animasi)* yang mana keduanya berasal dari negara Jepun. Komik *manga* dan *anime* boleh dibaca dan ditonton oleh para peminatnya melalui internet tanpa mengeluarkan wang yang banyak. *Anime* adalah istilah yang digunakan untuk menjelaskan gaya animasi Jepun. Istilah ini berasal "*animation*" yang disingkat dalam bahasa Jepun *romaji* menjadi *anime*.

Namun, sekarang *anime* lebih berkaitan dengan siri televisyen animasi atau filem animasi yang berasal dari Jepun dan mencakup topik dan jenis yang lebih luas. Di Jepun, semua orang dari segala usia dan latar belakang menonton *anime* dan menjadikan *anime* sebagai sebahagian dari budaya *moden* mereka (Ikuzo 2020). Namun, perkembangan pesat pasaran anime ini ke seluruh dunia turut memberi kesan kepada anak-anak murid di Malaysia. *Anime* kegemaran mereka seperti *Dragon Ball*, *Naruto* dan *One Piece* mudah ditonton melalui internet, tanpa sebarang bayaran, menyebabkan minat membaca buku fizikal semakin luntur dalam diri mereka.

### **Kesan Apabila Murid Tahap 2 Tidak Berminat Membaca**

Dapatan daripada temu bual 6 orang guru sekolah rendah dari kategori SKM dan sekolah rendah biasa zon Gemencheh, sikap murid-murid Tahap 2 yang tidak berminat membaca bahan bacaan telah memberi kesan yang negatif kepada murid-murid terutama di dalam PdP sehingga menjejaskan pencapaian akademik

mereka. Antara kesan yang didapati adalah keciciran murid di dalam pelajaran. Hampir semua guru yang ditemu bual menyatakan sikap murid yang tidak suka membaca menyebabkan mereka turut malas membaca buku-buku teks yang dibekalkan sebagai bahan rujukan utama semasa PdP atau semasa membuat latihan. Hal ini menyebabkan mereka tidak mendapat maklumat yang betul semasa menjawab latihan.

Kelemahan murid dalam membaca dan memahami teks yang dibaca sememangnya menjadi masalah yang besar kepada murid-murid. Kelemahan-kelemahan itu boleh menimbulkan pelbagai kesukaran kepada mereka untuk mengikuti proses pembelajaran seterusnya. Inilah yang dimaksudkan oleh para guru kesan daripada sikap malas murid membaca bahan bacaan fizikal yang menyebabkan mereka keciciran dalam pelajaran. Selain itu, sikap tidak minat membaca bahan bacaan fizikal ini turut memberikan kesan yang tidak baik terhadap pencapaian individu dalam pembelajaran. Apabila murid-murid Tahap 2 ini malas membaca buku fizikal, mereka tidak dapat memajukan diri sendiri (Tamam et. al. 2011). Mereka akan menjadi tidak dapat berbicara dengan baik semasa menyampaikan idea, pendapat dan sebagainya.

Sebelum penularan COVID-19, sudah terdapat kebimbangan dalam kalangan pentadbir dan guru sekolah mengenai murid yang gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis. Ia bukan sahaja melibatkan murid Tahap 1, malahan murid Tahap 2 juga masih ada yang tidak menguasai dua-dua kemahiran asas ini. Walau bagaimanapun, susulan daripada penularan pandemik COVID-19, hal ini menjadi semakin membimbangkan apabila murid terpaksa menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran yang baharu, iaitu PdPR. Situasi ini memberi kesan lebih negatif terhadap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid. Guru-guru bahasa Melayu yang telah ditemu bual turut mengakui kemahiran membaca dan menulis murid Tahap 2 semakin lemah, akibat kelunturan minat membaca dalam kalangan mereka semenjak PKP. Kelunturan minat membaca buku fizikal ini disebabkan murid lebih fokus menggunakan peranti semasa PdPR, mencari bahan rujukan secara dalam talian, membaca bahan rangsangan atau latihan juga melalui talian, malahan buku teks juga disediakan dalam bentuk digital menyebabkan mereka tidak perlukan bahan berbentuk fizikal.

Kesan daripada kurangnya membaca bahan bacaan fizikal oleh murid, menyebabkan pengetahuan am murid semakin rendah dan keadaan ini menjadikan murid sukar untuk memahami dan mengetahui situasi yang berlaku ketika ini. Masalah ini kadang-kala menyebabkan murid kelihatan seperti *katak di bawah tempurung*. Murid juga tidak mengetahui makna banyak kosa kata bahasa Melayu yang mengakibatkan penulisan karangan mereka turut menjadi lemah dan tidak gramatis. Isu ini telah disokong oleh kesemua

GBM yang berpendapat pengetahuan am yang rendah akibat sikap tidak minat membaca bahan berbentuk fizikal menyebabkan murid Tahap 2 tidak dapat menguasai kemahiran menulis dengan baik. Menurut Sarawak Vioce (2020), bagi seorang murid, adalah wajib untuk banyak membaca bagi menambah pengetahuan dan mengasah pemikiran dari semasa ke semasa. Membaca bukan hanya kunci untuk mendapatkan ilmu pengetahuan, malah ia juga sebagai kunci ke arah meningkatkan kemahiran sesuatu bidang ilmu.

### **Usaha-Usaha Meningkatkan Minat Membaca Bahan Berbentuk Fizikal**

Sungguhpun terdapat pelbagai usaha yang dilakukan oleh guru bagi menangani masalah kelunturan, minat membaca bahan bacaan fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 di sekolah kebangsaan zon Gemencheh ini, namun, keputusan dapatan kajian menunjukkan minat membaca buku berbentuk fizikal dalam kalangan murid Tahap 2 masih lagi berada pada tahap sederhana. Semua GMB yang telah ditemu bual menyatakan usaha yang dilakukan oleh guru semasa PdP tidak mampu dan agak sukar untuk menarik kembali minat semua murid Tahap 2 membaca bahan bacaan fizikal, memandangkan mereka lebih tertarik dengan penggunaan gajet atau murid-murid itu sendiri tidak minat membaca. Bagi mengatasi masalah kelunturan minat membaca bahan berbentuk fizikal dalam kalangan murid-murid Tahap 2 ini, beberapa cadangan telah diusulkan bagi meningkatkan semula minat membaca bahan fizikal ini dalam diri mereka.

1. Mengadakan Program Membaca Peringkat Sekolah: Pihak sekolah perlu berganding bahu antara pihak pentadbiran dan guru untuk mengadakan program-program yang mampu menarik kembali minat murid untuk membaca buku. Antara program-program yang boleh dilaksanakan adalah seperti mengadakan: (i) Bengkel Galakan Membaca, (ii) Pertandingan Mencari Maklumat dan (iii) Bengkel Bercerita Menggunakan Bahan Berbentuk Fizikal. Keperluan program membaca adalah sangat penting kerana terdapat hubung kait yang kuat antara dorongan daripada orang dewasa terhadap perlakuan murid-murid. Jika sesuatu perkara dilakukan secara berterusan dan menyeronokkan, murid-murid selesa untuk turut serta dengan program yang dilaksanakan, maka aktiviti yang kerap dilakukan dengan kerelaan akan membentuk budaya membaca dan menjadi sebahagian daripada budaya sekolah (Adam Zulkarnain & Amir Hassan 2014).
2. Menggalakkan Penggunaan Pusat Sumber Sekolah (PSS): PSS mempunyai peranan penting bagi mempengaruhi minat membaca murid

terhadap bahan bacaan berbentuk fizikal. Menurut kajian Mahpudzah (2001), yang mengkaji peranan pusat sumber sekolah yang merupakan elemen penting dalam mempengaruhi minat membaca murid mendapati beberapa faktor dalam PSS itu dalam mempengaruhi minat murid seperti bahan bacaan, sistem pengurusan, sikap pengawas dan guru PSS dan juga aktiviti yang dijalankan. Berikutan itu, pihak sekolah perlu cakna akan kepentingan PSS kepada murid dalam usaha meningkatkan minat murid membaca bahan fizikal. Guru PSS juga perlu beridea kreatif dan berinovasi dalam menggunakan kemudahan sedia ada untuk mempengaruhi budaya membaca murid sekolah (Adam Zulkarnain & Amir Hassan 2014).

3. Melaksanakan program membaca yang di anjurkan oleh Kerajaan Malaysia: Terdapat pelbagai program membaca yang dianjurkan oleh pihak kerajaan bagi menanam amalan suka membaca dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara program yang boleh disertai oleh sekolah-sekolah adalah Program Jom Baca 10 Minit. Program ini dilaksanakan pada tarikh dan masa tertentu yang diumumkan oleh kerajaan dan dilaksanakan secara serentak di seluruh negara. Program ini juga bertujuan mendorong rakyat Malaysia membaca, dimulai dengan langkah awal selama 10 minit, sebagai tanda komitmen semua pihak terhadap kepentingan membaca dalam kehidupan. Dengan menyertai program sebegini di sekolah, bukan sahaja dapat memupuk minat membaca dalam kalangan murid sekolah, malahan pihak sekolah juga dapat menarik minat mereka terhadap bahan bacaan berbentuk fizikal. Semasa program ini, pihak sekolah perlu menggalakan murid membawa bahan bacaan fizikal dari rumah dan bahan tersebut seperti buku cerita, komik dan majalah pendidikan boleh ditukar dengan bahan bacaan kawan yang lain sekiranya mereka telah selesai membacanya.
4. Memperkasakan Program NILAM: Program galakan membaca dalam kalangan murid-murid di sekolah telah pun dilaksanakan semenjak tahun 1999 lagi. Ia adalah usaha murni KPM ketika itu. Program yang dimaksudkan adalah Program NILAM. NILAM membawa maksud '*Nadi Ilmu Amalan Membaca*'. Ia mencakupi semua aktiviti galakan membaca yang dijalankan di sekolah yang melibatkan penilaian pembacaan yang berterusan sepanjang tahun yang diakhiri dengan pengiktirafan yang bersesuaian. Program ini telah mula dilaksanakan dengan rasminya pada tahun 1999 bagi murid tahun satu di sekolah rendah dan tingkatan satu atau peralihan di sekolah menengah, iaitu melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia Bil 13/1998: Program Membina Tabiat Membaca bertarikh 22 Mei 1998. Justeru, pihak sekolah

harus memperkasakan Program NILAM di sekolah bagi meningkatkan minat murid membaca bahan buku fizikal yang semakin kurang diminati. Matlamat dan objektif Program NILAM adalah untuk membina tabiat membaca dalam kalangan murid serta menggalakkan mereka agar terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca. Pelaksanaan Program NILAM ini memerlukan penglibatan secara menyeluruh daripada warga sekolah sama ada murid-murid mahupun guru-guru.

5. Peranan guru Bahasa Melayu: Usaha guru untuk meningkatkan minat membaca melalui PdP dalam kalangan semua murid, murid Tahap 2 khasnya telah dilakukan dengan pelbagai cara. Namun begitu, tidak semua usaha yang dilakukan oleh guru dalam kelas dihargai oleh murid atau mendapat kerjasama sepenuhnya daripada murid-murid. Sungguhpun begitu, guru-guru masih berusaha untuk mencapai matlamat pendidikan agar tiada murid yang keciciran dalam pembelajaran serta mampu menguasai kemahiran membaca serta menulis. Semasa PdP guru boleh mengadakan aktiviti membaca bahan berbentuk fizikal yang melibatkan semua murid di dalam kelas. Antaranya ialah mengadakan program galakan membaca di dalam kelas. Aktiviti-aktiviti tersebut adalah seperti: (i) Amalan membaca 5 minit sebelum PdP, (ii) Membuat aktiviti meningkatkan kemahiran membaca semasa PdP dan (iii) Menyediakan bahan bacaan di dalam kelas.

Guru harus membiasakan murid-murid dengan bahan bacaan seperti buku cerita, sekurang-kurangnya 5 minit sehari sebelum PdP bermula. Buku cerita biasanya disenangi oleh murid-murid. Membiasakan murid-murid membaca buku setiap hari walaupun 5 minit, diharapkan akan menyuburkan minat membaca mereka yang akan berterusan sepanjang hayat. Guru juga boleh membuat aktiviti meningkatkan kemahiran membaca semasa PdP. Menggalakkan murid membaca petikan teks yang diambil dalam buku teks bahasa Melayu, boleh memberi motivasi kepada murid untuk membaca buku fizikal secara perlahan-lahan untuk meneruskan amalan membaca setiap hari. Pemilihan teks juga perlulah sesuai agar murid tidak merasa bosan ketika membacanya. Menurut Tamam et al. (2021) dalam kajiannya, Pengaruh teks terhadap pembaca adalah sangat kompleks, Teks yang mudah dan menarik memudahkan pembaca membaca dan memahami isi kandungan teks tersebut. Sebaliknya, jika teks yang dibaca terlalu tinggi bahasanya, ayat-ayat terlalu panjang, tulisan yang kecil dan sebagainya boleh mengganggu pembacaan pembaca.

Bahan bacaan juga perlu disediakan oleh guru di dalam kelas sesuai dengan usia murid di dalam kelas tersebut. Bahan bacaan fizikal yang disediakan perlulah menarik, mencukupi dan pelbagai jenis agar murid tidak bosan membacanya di dalam kelas. Guru juga perlu menukar bahan bacaan tersebut setiap bulan, agar murid sentiasa dibekalkan dengan bahan bacaan yang berlainan bagi mengelakkan kebosanan. Guru boleh bertukar-tukar bahan bacaan fizikal ini dengan guru kelas lain bagi mengelakkan kekurangan sumber bahan bacaan.

6. Peranan ibu bapa: Ibu bapa juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat membaca bahan fizikal kepada anak-anak di rumah. Penglibatan ibu bapa secara terus dalam pendidikan bersama-sama anak-anak dapat meningkatkan tahap kemahiran dan minat membaca yang tinggi dalam diri anak-anak. Penglibatan ibu bapa yang komprehensif adalah proses aktualisasi daripada potensi ibu bapa, untuk membantu ibu bapa mencari kekuatan dan bakatnya serta menggunakannya bagi diri mereka sendiri dan keluarga. Menurut Houtenville dan Conway (2008) dalam Siti Hawa Dalila dan Marzudi (2021), Penglibatan ibu bapa seperti perbincangan, penjagaan dan komunikasi sangat menentukan pencapaian kanak-kanak dalam matlamat yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Dalam menggalakkan anak-anak agar membaca secara berterusan, ibu bapa boleh melakukan pelbagai usaha yang biasa tetapi perlu dilakukan juga secara berterusan. Antara aktiviti yang boleh dilakukan oleh ibu bapa bagi meningkatkan minat membaca bahan bacaan fizikal ini dalam diri anak-anak adalah seperti: (i) Menyediakan sudut bacaan di rumah, (ii) Meluangkan masa membaca bersama anak-anak, dan (iii) Membawa anak-anak ke perpustakaan awam.

Knollman dan Wild (2007) berpendapat bahawa ibu bapa boleh membantu mempertingkatkan keupayaan anak-anak dalam menyelesaikan tugas pembelajaran di rumah, termasuk membaca buku dengan mengutamakan tugas anak, menunjukkan minat terhadap tugas anak, mengetahui tentang kehendak tugas anak, mengatur masa dan tempat belajar anak. Ini termasuklah menyediakan sudut bacaan bagi anak-anak ketika di rumah. Ibu bapa juga perlu meluangkan masa membaca bersama anak-anak sebagai untuk menggalakkan anak-anak lebih rajin membaca buku fizikal.

## KESIMPULAN

Membaca adalah satu amalan penting dalam kehidupan. Membaca bukan sahaja dapat meluaskan ilmu pengetahuan, malahan boleh memelihara minda agar

sentiasa aktif. Kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal oleh murid Tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar di zon Gemencheh pasca pandemik COVID-19 telah menjadi kebimbangan kepada guru dalam proses membentuk kemenjadian murid. Melalui temu bual yang telah dijalankan beberapa faktor telah dikenal pasti. Namun begitu, pelbagai usaha yang dilakukan oleh pihak sekolah dan guru telah menampakkan impak positif dalam perubahan sikap murid yang mula meminati bahan bacaan berbentuk fizikal. Oleh itu semua pihak termasuklah ibu bapa, guru, rakan sebaya dan masyarakat bekerjasama untuk meningkatkan amalan yang mulia ini. Segalanya boleh diubah sekiranya ada usaha, kuncinya adalah kesedaran diri sendiri. Bak kata pepatah, di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

### RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12
- Adam Zulkarnain Saleng & Amir Hasan Dawi. (2014). Budaya membaca dalam kalangan murid sekolah rendah: Satu kajian kes. The 6th International Conference on Teacher Education, Bandung, at 25-26 Jun 2014.
- Sarawak Voice*. (2020). Malas membaca tumpukan minda. Diakses pada 6hb Feb 2023. <https://sarawakvoice.com/2020/03/10/malas-membaca-tumpukan-minda/>
- Ikuzo. (2020). Pengaruh anime terhadap dunia. Diakses pada 7hb Feb 2023. <https://goikuzo.com/en/pengaruh-anime-terhadap-dunia/>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Program NILAM*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Knollman M. & Wild, E. (2007). Quality of parental support and student's emotions during homework, moderating effects on student motivational orientations. *European Journal of Psychology of Education*, 22, 63-76.
- Mahpudzah Ahmad. (2001). Peranan PSPS bagi mempertingkatkan minat membaca di kalangan murid tingkatan empat di sebuah sekolah daerah Pendang, Kedah Darul Aman: Satu tinjauan. Tesis Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Merriam, S.B. (2009). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers
- Mohd Fudzail Mohd Nor. (2021). Teknologi ubah tabiat membaca. *Malaysia Kini*. Diakses pada 7hb Feb 2023. <https://www.malaysiakini.com/columns/571504>
- Nur Fatma Diyana Ideris & Zamri Mahamod. (2021). Cabaran guru dan murid sekolah luar bandar dalam menjayakan pengajaran dan pembelajaran di rumah. Dlm. Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman & Zarién Atierah Zamri. (Editor). *Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah: Isu dan Cabaran Pendidikan dalam Norma Baharu*, hlm. 227-239. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Hawa Dalila Mohd Shukri & Marzuki Md Yunus. (2021). Kesan pandemik COVID-19 terhadap pencapaian tahap akademik murid. *Jurnal Melayu Sedunia*, 4 (1), 313-343.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod, Afendi Hamat. (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 89-107
- Pandian, Ambigapathy. (2000). A Study on readership behaviour among multi-ethnic, multi-lingual Malaysian students. 7th International Literacy and Education Research Network (LERN) Conference on Learning, RMIT University, Melbourne, at 5-9 July 2000.
- Tiew Wai Sin. (2010). Tabiat dan minat membaca di kalangan murid tingkatan empat di SMK Hulu Kelang, Gombak, Selangor pada tahun 2010. *Jurnal PPM: Journal of Malaysia Librarians*, 4, 57-75.
- Ungku Aziz. (2011). Jadikan membaca satu kebiasaan, bukan untuk lulus periksa. Diakses pada 7hb Feb 2023. <http://www.mstar.com.my/berita/berita/semasa/2011/09/22/jadikan-membaca-satu-kebiasaan-bukan-untuk-lulusperiksaungku-aziz/>.